

Persepsi Pelajar Terhadap Penguasaan Pengetahuan Dan Ketrampilan Berkaitan *Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation* Di Kalangan Pelajar Tahap 3 Di Salah Sebuah IKBN Di Johor.

Abdul Wahid Bin Mukhari & Suhana Binti Johari
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Dalam melakukan kerja-kerja amali, keselamatan adalah sangat penting untuk menjamin kesihatan diri sendiri dan orang lain. Kajian secara deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan berkaitan *Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation* dikalangan pelajar tahap 3 di salah sebuah Institut Kemahiran Belia Negara di Johor. Populasi dan responden kajian adalah seramai 34 orang yang mengikuti kursus Pembuat Acuan dan Alatan Tekan. Penumpuan diberikan kepada tiga aspek iaitu memakai pakaian keselamatan, melakukan rawatan pertolongan cemas serta peraturan dan jenis alat pemadam api. Hasil keseluruhan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa diantara ketiga-tiga aspek ini, persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan dari aspek memakai pakaian keselamatan berada pada tahap terampil cemerlang. Kajian ini mendapati bahawa pelajar faham dan tahu menggunakan alat pelindung diri semasa melakukan kerja-kerja amali.

Katakunci : persepsi pelajar, penguasaan pengetahuan, ketrampilan, *Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation*, IKBN

Pendahuluan

Kesedaran dan keprihatinan masyarakat kini tentang isu-isu berkaitan kemalangan semasa bekerja telah berkembang ke suatu tahap ketara hasil daripada perhatian semakin meningkat yang dipaparkan dalam media kepada beberapa kejadian kemalangan yang berlaku di tempat kerja.

Di Malaysia telah diwujudkan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 iaitu Akta 514 yang telah diwartakan pada 24 Februari 1994 yang bertujuan untuk menyediakan rangka perundangan untuk memajukan, merangsang dan menggalakkan standard yang tinggi bagi keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja. Ia juga sebagai alat yang lebih praktikal keatas perundangan keselamatan dan kesihatan yang sedia ada seperti Akta Kilang Dan Jentera, 1967. Tujuan utama akta ini adalah bagi mempertingkatkan kesedaran dan memupuk budaya keselamatan dan kesihatan di kalangan semua pekerja di Malaysia. Akta ini juga akan memastikan semua pihak yang terlibat, terutamanya majikan dan pekerjanya supaya lebih bertanggungjawab di atas kewajipan masing-masing dalam menyediakan dan mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat. Selain itu juga ia berperanan untuk mewujudkan tahap keselamatan dan kesihatan yang tinggi dan memupuk sikap prihatin dan mewujudkan langkah keselamatan yang berkesan. Peruntukan-peruntukan akta keselamatan dan kesihatan 1994 adalah berasaskan pendekatan peraturan sendiri iaitu tanggungjawab memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan terletak pada mereka yang mewujudkan risiko dan bekerja dengan risiko tersebut. Konsep pengaturan sendiri ini menggalakkan perundangan kerjasama serta penglibatan pekeja dan majikan dalam usaha-usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan di tempat kerja.

Dengan ayat di atas, jelas dan nyata bahawa keselamatan adalah tanggungjawab bersama dan Islam menetapkan bahawa menjadi tanggungjawab kita untuk menolak kemudaratan sedaya

mungkin tidak kira kepada orang lain mahupun membenarkan diri sendiri di mudarati. Untuk mewujudkan suasana kerja yang selamat, menjaga keselamatan perlu menjadi budaya dan kita dituntut supaya sentiasa berhati-hati ketika berkerja dan tidak boleh lalai (cuai) dalam melakukan sebarang pekerjaan kerana ianya akan mengakibatkan kemalangan.

Penyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan mereka berkaitan *Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation* dikalangan pelajar tahap tiga di Institut Kemahiran Belia Negara, Pagoh.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk :

- i. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.01 dari aspek memakai pakaian keselamatan di bengkel .
- ii. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.03 dari aspek melakukan rawatan pertolongan cemas di bengkel .
- iii. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.05 dari aspek peraturan dan jenis alat pemadam api .

Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini, penyelidikan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang memerlukan. Antara kepentingan kajian ini adalah :

- i. Meningkatkan budaya kerja yang lebih selamat, serta menerapkan kesedaran tentang betapa pentingnya amalan keselamatan semasa melakukan kerja amali di dalam bengkel.
- ii. Memberikan sumbangan kepada tenaga pengajar yang terlibat sebagai garis panduan dalam mempertingkatkan lagi peraturan-peraturan dan amalan keselamatan yang sedia ada .
- iii. Menilai sama ada waktu yang ditetapkan dalam tempoh satu minggu adalah sesuai bagi pelajar menguasai ilmu keselamatan bengkel.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian kes. Menurut Meriam (1988), kajian kes merupakan satu pemeriksaan yang spesifik terhadap sesuatu situasi seperti sebuah program, satu pertandingan, sebuah proses, sebuah institusi atau kumpulan sosial. Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat mengenai persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan mereka berkaitan *Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation* dikalangan pelajar tahap 3 di Institut Kemahiran Belia Negara, Pagoh.

Populasi Dan Responden Kajian

Abd Majid (2000) menyatakan bahawa populasi akan menentukan bidang masalah yang perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat dan data. Seterusnya maklumat tersebut dikumpul dan analisis. Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan keseluruhan populasi sebagai responden kajian. Responden dari IKBN, Pagoh dipilih kerana popolasinya adalah kecil iaitu seramai 34 orang bagi pelajar tahap 3 yang mengikuti kursus Pembuat Acuan dan Alatan Tekan. Mohd Najib (1999) menyatakan bahawa jika jumlah populasinya adalah kecil penyelidik boleh

menggunakan keseluruhan ahli sebagai sampel dan penyelidikan tersebut adalah sebuah kajian kes. Justeru itu, keputusan penyelesaian masalah yang dibuat adalah lebih tepat. Oleh itu kajian ini adalah seramai 34 orang responden bagi pelajar-pelajar tahap 3 di IKBN, Pagoh.

Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan kajian percubaan yang dilakukan oleh penyelidik sebelum membuat kajian sebenar. Ia bertujuan untuk mengkaji keesahan dan kebolehpercayaan item-item yang dibina sendiri oleh pengkaji. Ia juga dapat mengesan dan mengenalpasti item-item yang tidak sesuai dan boleh mengelirukan responden semasa menjawab soal selidik tersebut sebelum ia diedarkan bagi tujuan kajian sebenar.

Menurut Noraini (1996), 10 set soal selidik boleh digunakan sebagai kajian rintis. Oleh itu, 10 set soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar dan data yang diperolehi dari kajian rintis telah dianalisa secara berkomputer dengan menggunakan perisian “Statistical Packages For The Social Science” (SPSS) bagi membuktikan kebolehpercayaan soalan-soalan tersebut.

Dalam kajian rintis yang telah dilakukan kepada 10 para pelajar di IKBN, Bachok yang mengambil kursus juruteknik kenderaan bermotor menunjukkan ujian statistik *Alpha Cronbach* mempunyai nilai yang diperolehi ialah 0.9342. Menurut Mohd Majid (1998), penentuan untuk pekali kebolehpercayaan adalah tiada terbatas, namun nilai pekali kebolehpercayaan 0.60 sering dijadikan had pengukuran untuk nilai alpha dalam sesuatu kajian. Jika nilai *alpha* rendah dari 0.60, maka untuk mendapatkan kebolehpercayaan yang tinggi bagi item, item-item yang rendah nilainya perlulah disingkirkan dari soal selidik soal selidik yang mempunyai indek kebolehpercayaan melebihi 0.7 atau sama dengannya boleh digunakan sebagai alat ukur dalam sesuatu kajian. Oleh yang demikian soalan yang dibina oleh penyelidik untuk set soal selidik boleh digunakan untuk kajian yang sebenar.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Penggunaan soal selidik membolehkan pengkaji memperolehi maklumat yang banyak dengan perbelanjaan yang sedikit (Abd. Majid, 2000). Di samping itu, ia merupakan instrumen yang ringkas dan mudah ditadbir. Menurut Mohd Najib (1999) pula, soal selidik selalu digunakan untuk mengukur persepsi, mengetahui sikap, motivasi, emosi, perasaan dan pandangan seseorang. Ia telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta kepercayaan dan sebaliknya. Selain daripada itu juga, kaedah ini juga boleh menjimatkan masa, tenaga dan kos dalam menjalankan kajian sebenar.

Oleh yang demikian, adalah bersesuaian sekiranya pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk mengukur persepsi pelajar yang mana ianya telah di sokong oleh Mohd Najib. Menurut Mohd Najib (1999) lagi, instrumen kajian akan menentukan jenis data yang diperolehi dan ini akan mempengaruhi jenis analisis pengkaji. Pengkaji telah menggunakan soal selidik untuk memperolehi data kajian ini. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Analisis Data

Kesedaran dan pengetahuan mengenai kebakaran di bengkel juga merupakan salah satu faktor penting untuk mencegah kemalangan. Jadual 4.4 mengenai analisis terhadap aspek peraturan dan jenis alat pemadam api di kaji supaya pemadaman api dapat dilakukan dengan betul untuk mengelakkan sebarang kerosakan pada alatan dan aset.

Jadual 1 : Taburan Kekerapan dan Peratusan Dari Aspek Peraturan dan Jenis Alat Pemadam Api

Bil	Item Soalan	Tidak Faham		Kurang Faham		Faham		Tahap
		f	%	f	%	f	%	
27	Setakat manakah anda dapat memahami bahaya kebakaran sekiranya berlaku di bengkel anda.	-	-	4	11.8	30	88.2	Terampil
28	Setakat manakah anda memahami punca-punca kebakaran yang berlaku di bengkel.	-	-	4	11.8	30	88.2	Terampil
29	Setakat manakah anda dapat memahami bahaya kebakaran sekiranya berlaku di tempat kerja.	-	-	4	11.8	30	88.2	Terampil
30	Setakat mana anda memahami dengan jelas jenis kebakaran yang boleh dipadamkan dengan alat pemadam api.	1	2.9	5	14.7	28	82.4	Terampil
31	Setakat manakah anda dapat memahami dengan jelas cara penggunaan alat pemadam api tersebut.	1	2.9	7	20.6	26	76.5	Terampil
32	Adakah anda faham dengan jelas langkah-langkah mencegah kebakaran.	1	2.9	3	8.8	30	88.2	Terampil
33	Adakah anda faham dengan jelas punca kebakaran bagi kelas A.	2	5.9	15	44.1	17	50	Belum Terampil
34	Adakah anda faham dengan jelas punca kebakaran bagi kelas B.	3	8.8	16	47.1	15	44.1	Belum Terampil
35	Adakah anda faham dengan jelas punca kebakaran bagi kelas C.	3	8.8	18	52.9	13	38.2	Belum Terampil
36	Adakah anda faham dengan jelas perkakas pemadam api jenis alat pemadam api yang diisi dengan air.	1	2.9	20	58.8	13	38.3	Belum Terampil
37	Adakah anda faham dengan jelas perkakas pemadam api jenis tekanan gas .	3	8.8	19	55.9	12	35.3	Belum Terampil
38	Adakah anda faham dengan jelas perkakas pemadam api jenis tekanan angin yang disimpan.	3	8.8	22	64.7	8	23.5	Belum terampil
39	Adakah anda faham dengan jelas perkakas pemadam api jenis alat pemadam api yang diisi dengan karbon dioksida.	1	2.9	18	52.9	15	44.1	Belum terampil
PURATA PERATUSAN		4.3	4.3	35.2	35.2	60.4	60.4	Terampil

n = 34

Dapatan kajian yang berkaitan persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.05 dari aspek peraturan dan jenis alat pemadam api didapati responden telah memberikan maklum balas yang positif. Responden dapat memahami bahaya kebakaran sekiranya berlaku di bengkel dan di tempat kerja mereka, ini dibuktikan dari dapatan pada item soal selidik 27 (88.2%) dan item soal selidik 29 (88.2%) yang berada pada tahap pencapaian terampil. Manakala bagi item soal selidik 28 yang berkaitan dengan kefahaman pelajar terhadap punca-punca yang menyebabkan kebakaran berlaku juga berada pada tahap terampil (88.2%). Ketiga-tiga item soal selidik 27, 28 dan 29 ini menunjukkan 11.8% yang mengatakan kurang faham .

Selain itu juga dapatan dari item soal selidik 38 iaitu berkaitan kefahaman responden terhadap perkakas pemadam api jenis tekanan angin yang disimpan berada pada tahap belum terampil. Hanya 23.5% sahaja responden yang mengatakan faham, 8.8% yang mengatakan tidak faham dan 64.7% mengatakan kurang faham.

Secara keseluruhannya, item soal selidik 27 , item soal selidik 28 dan item soal selidik 29 yang berada pada tahap pencapaian terampil (88.2%). Yang mana ketiga-tiga item soal selidik ini menunjukkan nilai peratusan yang paling tinggi. Selain itu pula dapatan dari item soal selidik 38 iaitu berkaitan kefahaman responden terhadap perkakas pemadam api jenis tekanan angin yang disimpan berada pada tahap belum terampil dan berada pada nilai peratusan yang paling rendah (23.5%)

Rumusan

Sebagaimana yang telah dinyatakan, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan berkaitan *Duty 1: Adhere To Safety Rules And Regulation* dikalangan pelajar tahap tiga di IKBN Pagoh. Ia juga bertujuan untuk mengetahui adakah pelajar dapat menguasai task dari segi pengetahuan dan kemahiran dengan baik. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan beberapa rumusan berikut telah dibuat :

Secara keseluruhannya, purata peratusan bagi hasil dapatan persoalan kajian 1 mengenai persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.01 dari aspek memakai pakaian keselamatan di bengkel berada pada tahap terampil cemerlang yang mana seramai 91.9% orang pelajar yang mengatakan faham mengenai aspek ini. Ini menunjukkan bahawa responden tahu kepentingan penjagaan kesihatan dari segi fizikal dan mental kerana kesihatan merupakan faktor yang penting untuk menguruskan sesuatu kerja dengan selamat. Kefahaman pelajar terhadap kepentingan penggunaan alat pelindung diri bagi kesemua item berada pada tahap terampil cemerlang dan terampil. Penguasaan kefahaman pelajar terhadap kegunaan sarung tangan kulit semasa menjalankan kerja-kerja amali di bengkel berada pada nilai peratusan yang paling rendah. Berkemungkinan segelintir pelajar tidak mementingkan pemakaian sarung tangan kerana memakai sarung tangan dianggap tidak selesa. Justeru itu, dengan mempunyai sikap yang positif terhadap amalan keselamatan yang baik semasa melakukan kerja amali ia dapat memastikan keselamatan diri terjamin dan mengelakkan dari berlakunya kemalangan serta dapat menghasilkan kerja yang bermutu.

Kesimpulan yang dapat dibuat melalui persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan dari aspek melakukan rawatan pertolongan cemas di bengkel berada pada tahap belum terampil kerana hanya 58.4% sahaja yang mengatakan faham mengenai aspek ini . Ini mungkin disebabkan oleh sikap pelajar yang tidak memandang serius sekiranya berlaku sebarang kecederaan. Memandangkan golongan pelajar yang mengambil jurusan kemahiran banyak menjalankan kerja-kerja amali di dalam bengkel, pastinya mereka akan

terdedah kepada pelbagai risiko kemalangan yang tidak diingini seperti boleh mengakibatkan kecederaan, kehilangan nyawa dan sebagainya sekiranya mereka cuai. Oleh itu, menjadi tanggungjawab bersama bagi setiap pelajar menanamkan sikap positif dan melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dalam pertolongan cemas. Jika berlakunya kecederaan ataupun kemalangan, sama ada serius ataupun tidak, bantuan awal boleh diberikan kepada mangsa sebelum dibawa ke hospital.

Hasil dapatan secara purata peratusan bagi persoalan kajian 3 iaitu persepsi pelajar terhadap penguasaan pengetahuan dan ketrampilan terhadap task 01.05 dari aspek peraturan dan jenis alat pemadam api adalah berada pada tahap terampil iaitu sebanyak 60.4% yang mengatakan faham. Di sini pelajar telah sedar mengenai kepentingan mengurangkan risiko bahaya kebakaran apabila berada di bengkel dan di tempat kerja. Ini kerana, sekiranya berlaku kebakaran, ia akan mengakibatkan kemusnahan bangunan dan harta benda contohnya peralatan, perkakasan mesin dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, pelajar seharusnya diberi pendedahan awal mengenai kendalian salah satu perkakas pemadam api yang terdapat di bengkel supaya sekiranya berlaku kebakaran kecil pelajar tahu cara untuk bertindak memadamkan api dengan cepat. Tanggungjawab memadamkan kebakaran ini bukan sahaja terletak pada pihak bomba sebaliknya perlu diberi perhatian oleh para pelajar kerana mereka adalah produk yang akan mengendalikan mesin-mesin dan terdedah dengan suasana kerja yang kurang selamat.

Rujukan

- Azizi Yahaya et. al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Badaruddin Mat Isa (1981). *Teknik Mencegah Dan Memadam Kebakaran*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan
- DR.H.Nasrudeen Karim (1998). *Kaedah Pertolongan Cemas*. Kuala Lumpur: Percetakan Sooriya
- Harian Metro, 28 Februari 2008. *Bengkel IKBN Meletup* .
- Ismail Bahari, Phd (2002). *Pengaturan Sendiri Di Dalam Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan*. UKM: The Asian Customized Edition.
- Junaidy Abu Bakar (2006). *Suara-Suara Mangsa*. Penerbit UKM. Selangor: Malindo Printers Sdn. Bhd
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (1996). Kuala Lumpur: Percetakan DBP.
- Marsden K. A (2000). *Manual Pertolongan Cemas*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre. Sdn. Bhd
- Nurimi Zainol Abidin (2001). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Amalan Pemakaian Pakaian Keselamatan Bengkel Di Kalangan Para Pelajar UTM*. Projek Sarjana Muda tidak diterbitkan, UTM.
- Perkeso (2006). *Statistik dari 1994 hingga 2005*. (atas talian)
<http://www.perkeso.gov.my/melayu/statistik3.html>
- Peruntukan Utama Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994*. Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
- Rusmahini Ahmad (1995). *Satu Tinjauan Mengenai Sejauh Manakah Langkah-Langkah Keselamatan Diamalkan Semasa Mengendalikan Mesin-Mesin Di Sekolah Menengah Vokasional*. Tesis Sarjana Muda tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sheikh Abdullah Basmeih (2006). *Mushaf Tajwid Berserta Terjemahan Ke Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Darulfikir.

St. John Ambulan Malaysia (1976). *Pertolongan Cemas Utama*. Sabah: Percetakan Chin Chi Kota Kinabalu.

Utusan Malaysia, 6 Februari 2007. *Utamakan Keselamatan*

Wehmeier S (2000). *Oxford Advanced Learners Dictionary*. UK: Oxford University Press (maker).